

## Ciri-ciri Sahsiah bagi Kemasukan Pelajar ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Ulul Albab Menurut Perspektif Pihak Pentadbir

Siti Solehah Ibrahim & Umi Kalthom Abdul Manaf\*

Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### ABSTRAK

Kurikulum Ulul Albab ialah kurikulum pendidikan yang berteraskan kepada tiga elemen iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Kurikulum ini telah mengubah cara penilaian pelajar yang sebelum ini hanya berpandukan kepada kemajuan akademik semata-mata. Misi utama kurikulum Ulul Albab adalah untuk membentuk sahsiah pelajar melalui pembudayaan Al-Quran. Kemajuan pendidikan pada hari ini tidak hanya berfokus kepada pencapaian akademik pelajar semata-mata, tetapi tahap sahsiah pelajar perlu diukur juga, iaitu bertepatan dengan dasar yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Antara 11 anjakan yang diperkenalkan menerusi PPPM, anjakan ketiga, iaitu melahirkan rakyat yang mampu menghayati nilai dan ini membuktikan bahawa elemen nilai merupakan salah satu aspek yang harus ditekankan ke dalam diri pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi meninjau ciri-ciri sahsiah yang perlu dimiliki oleh pelajar bagi kemasukan ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab menurut perspektif pihak pentadbir maktab itu sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga ciri sahsiah yang dipersetujui oleh pentadbir; iaitu pelajar perlu memiliki minat terhadap Al-Quran, perlu agresif dan perlu proaktif. Penentuan sahsiah pelajar adalah sama penting dengan penentuan pencapaian akademik pelajar kerana sahsiah merupakan faktor dalaman yang akan menjadi pendorong kepada persekitaran belajar pelajar.

Kata Kunci: Kurikulum Ulul Albab, pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)

### Abstract

The Ulul Albab curriculum consists of three main elements, namely Quranik, Encyclopedic and Ijtihadik. The curriculum has changed the way of students' assessment, where previously it only relied on students' academic achievement solely. The main mission in Ulul Albab curriculum is to develop students' sahsiah through the enculturation of the Al-Quran. Currently, education does not only focus on academic achievement alone. It is also measured from the students' sahsiah characteristic, which is in line with the National Education Philosophy (NEP) and the Malaysia Education Development Plan. Among the 11 shifts introduced, the third shift, which is producing good citizens who appreciate values prove that the 'value' element is one of the aspects that should be emphasized on the students. Therefore, this study was conducted to evaluate the sahsiah characteristics that students possessed prior to entry into the Mara Junior Science College (MJSC) Ulul Albab based on the perspective of the administrator. The results showed that the three personality traits agreed upon by the administrator of the students are to have interest towards the Quran, having aggressive and pro active traits. Determination of students' sahsiah is as important as determining a student's academic achievement because personality is the internal factors which will drive and assist the students' learning environment.

Keywords: Ulul Albab curriculum, Malaysia Education Development Plan (PPPM) 2013-2025, MJSC Ulul Albab

\*Corresponding author: [umizat90@upm.edu.my](mailto:umizat90@upm.edu.my)  
eISSN: 2462-2079 ©Universiti Putra Malaysia Press

## PENGENALAN

Kepentingan pendidikan di Malaysia telah membawa kepada beberapa transformasi pendidikan dan yang paling terkini adalah menerusi pembentukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Terdapat 11 anjakan yang telah dicatatkan dalam PPPM 2013-2025 sebagai teras untuk menghasilkan perubahan dalam bidang pendidikan. Di antara kesemua anjakan yang dicadangkan, aspek 'melahirkan rakyat yang menghayati nilai' iaitu anjakan yang ketiga menunjukkan bahawa penghayatan nilai harus ditekankan ke dalam diri pelajar semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Hasil yang diharap menerusi penerapan nilai ini ialah pelajar akan memiliki nilai teras sejagat serta identiti nasional yang kukuh walaupun selepas tamat sesi persekolahan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pembentukan sahsiah pelajar sebenarnya telah menjadi fokus utama dalam bidang pendidikan meskipun sebelum pembentukan *blueprint* PPPM 2013-2025. Buktinya, kepentingan sahsiah telah dikesan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh apabila beliau mencadangkan ide untuk mewujudkan sebuah program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) pada tahun 2009. Program Ulul Albab merupakan satu program baharu yang dilaksanakan semenjak awal tahun 2009 bermula di MRSM Kota Putra, Besut, Terengganu. Seramai 180 orang pelajar telah terpilih selepas melalui proses temu duga bagi mengikuti program ini pada pengambilan pertama. Hasil daripada kejayaan di MRSM Kota Putra, pada tahun 2010 satu lagi MRSM Ulul Albab telah dibuka di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan, iaitu dengan pengambilan pertama seramai 180 orang pelajar (Aminuddeen, 2012).

Kewujudan kurikulum Ulul Albab ini adalah bertujuan untuk melahirkan seorang ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja dapat menggarap ilmu pengetahuan duniawi, tetapi juga mempunyai pengetahuan ukhrawi, iaitu berlandaskan pengetahuan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab (Modul Quranik Program Ulul Albab, n.d). Secara umumnya, Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menetapkan matlamat untuk menjadikan MRSM sebagai sebuah institusi pendidikan bertaraf dunia yang menawarkan pendidikan seimbang dari sudut akademik dan akhlak untuk melahirkan generasi Muslim yang kukuh iman, mempunyai akhlak mulia dan memiliki budaya kerja yang hebat (Syed Najmuddin et al., 2009). Oleh hal yang demikian, pengenalan kurikulum Ulul Albab di MRSM merupakan suatu anjakan baharu untuk menggapai hasrat yang ditetapkan oleh pihak MARA.

Institusi MRSM Ulul Albab akan berjaya dilaksanakan dan mencapai matlamat sekiranya berlaku perubahan pada diri setiap individu yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum ini. Justeru, pelajar yang ingin memasuki MRSM Ulul Albab perlu memiliki ciri-ciri yang tertentu pada diri mereka sebelum dipilih memasuki MRSM tersebut.

Secara umumnya, para pelajar yang berkebolehan tinggi daripada segi akademik akan ditawarkan untuk mengikuti pembelajaran di MRSM. Mereka boleh dikategorikan sebagai golongan pelajar pintar cerdas akademik kerana pemilihan kemasukan ke MRSM dilakukan secara saringan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pemilihan kemasukan pelajar ke MRSM dilaksanakan berdasarkan keputusan cemerlang dalam ujian UPSR bagi kemasukan Tingkatan 1 dan ujian kecenderungan kemasukan (UKKM) bagi kemasukan Tingkatan 4.

Menerusi saringan kemasukan yang telah dijalankan, pelajar MRSM sepatutnya telah memenuhi sebahagian daripada hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu keseimbangan dari sudut intelek melalui pencapaian mereka yang cemerlang dalam akademik. Namun, keseimbangan sahsiah pelajar khususnya dari aspek personaliti, kerohanian serta penghargaan sendiri dilihat masih belum terbukti (Asrul Azmin, 2009). Menurut McClelland dalam Asrul Azmin (2009), salah satu cara untuk memahami sahsiah pelajar cemerlang akademik ialah dengan membuat suatu kajian terhadap ciri-ciri diri pelajar kerana pelajar yang cemerlang dalam akademik memiliki personaliti yang berbeza-beza.

Menerusi pernyataan yang dibentangkan, telah muncul suatu persoalan, iaitu apakah ciri-ciri sahsiah yang perlu dimiliki oleh pelajar yang akan mengikuti kurikulum Ulul Albab bagi memenuhi matlamatnya dalam melahirkan golongan Ulul Albab. Oleh itu satu kajian lanjutan perlu dilakukan mengenai sahsiah pelajar daripada persepsi individu-individu yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kurikulum Ulul Albab di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan.

### *Pernyataan Masalah*

Pembentukan sahsiah merupakan salah satu ciri yang perlu dititikberatkan dalam diri pelajar dan merupakan satu proses bagi membina individu yang holistik. Jika difahami dengan teliti, pembinaan keperibadian sahsiah adalah sangat berkait rapat dengan pendidikan akhlak yang merupakan jiwa dalam pendidikan Islam

(Muhammad Rodhi, 2013). Keperluan menyaring kemasukan pelajar ke program eksklusif seperti program Ulul Albab adalah bagi mengekang kemerosotan sahsiah daripada menjadi lebih buruk dan kritikal pada masa akan datang. Pada masa kini, terdapat begitu banyak kes berkaitan kemerosotan sahsiah telah dilaporkan oleh pihak media masa.

Menurut laporan daripada akhbar *New Straits Times* (Ogos, 2005), kira-kira tujuh orang pelajar sekolah ditahan setiap hari dan tiga daripada mereka berumur dalam lingkungan 13 hingga 15 tahun. Pada tahun 2011 sahaja, seramai 11,218 orang pelajar atau 2.05% terlibat dalam kes-kes berat seperti bergaduh, ponteng sekolah dan kes ringan seperti kekemasan diri. Perkara ini menunjukkan bahawa sekitar 2 hingga 3 peratus bilangan pelajar masih perlu diberi perhatian sewajarnya. Daripada jumlah tersebut, seramai 72,873 (66.1%) orang adalah melibatkan pelajar sekolah menengah dan seramai 37,345 (33.9%) orang ialah pelajar sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Pelajar berprestasi tinggi juga tidak terlepas daripada permasalahan berkaitan sahsiah. Hal ini dapat dilihat menerusi kejadian kes buli dan pukul pelajar tingkatan dua yang telah dilaporkan dalam laporan secara atas talian bertajuk *Pelajar MRSM patah rusuk kes belasah senior* (2014), oleh lapan orang seniornya di Maktab Rendah Sains Mara Balik Pulau pada akhir Oktober 2014. Selain itu, terdapat satu kejadian pada 2013 seorang pelajar tingkatan dua mendakwa dibelasah dua pelajar lain di MRSM Kepala Batas. Dalam kejadian tersebut, beliau didakwa dipukul lebih daripada dua pelajar sebelum dipaksa menelan ubat (Abdul Hakim, 2013). Menerusi masalah yang timbul ini, maka aspek sahsiah menjadi suatu perkara yang penting untuk dilihat selain daripada kecemerlangan akademik.

Kemasukan pelajar ke MRSM sering kali di dasari oleh pencapaian akademik pelajar yang cemerlang terutama selepas peperiksaan UPSR. Namun menerusi kajian yang dijalankan oleh Umi Kathom et al. (2013) ke atas pelajar di MRSM Kota Putra, iaitu MRSM pertama yang menjalankan program Ulul Albab, didapati bahawa sebilangan pelajar di MRSM tersebut mengalami konflik sahsiah dan juga krisis identiti meskipun para pelajar tersebut cemerlang dari segi akademik. Konflik sahsiah yang wujud dalam diri pelajar adalah disebabkan pelajar lebih cenderung untuk menghafaz Al-Quran semata-mata tanpa menghayati pengajaran dan maksud yang terkandung dalam Al-Quran itu sendiri. Menurut Imam Al-Ghazali, salah satu perkara yang dapat membina sahsiah dalam diri seseorang adalah menerusi penghayatan Al-Quran (Kamarul Azmi, 2001). Pelajar yang berada di MRSM Ulul Albab sememangnya ditekankan dengan aspek kerohanian, namun tanpa penghayatan yang sebenar daripada Al-Quran itu sendiri, maka sahsiah pelajar tidak dapat dibentuk sebagaimana mengikut kandungan yang terdapat di dalam Al-Quran.

Satu spesifikasi sahsiah yang tertentu perlu ditetapkan bagi menyelaraskan saringan kemasukan pelajar ke MRSM Ulul Albab. Spesifikasi tersebut perlu dilihat menerusi beberapa perspektif individu yang terlibat secara langsung dengan program Ulul Albab, seperti menurut perspektif pentadbir yang menjalankan program Ulul Albab, perspektif guru-guru yang mengajar di MRSM Ulul Albab, perspektif ibu bapa pelajar yang menuntut di MRSM Ulul Albab, serta perspektif pelajar yang akan menuntut di MRSM Ulul Albab.

Oleh yang demikian, satu kajian berkenaan penelitian ciri-ciri sahsiah pelajar dalam pemilihan ke program Ulul Albab perlu dijalankan bagi menentukan kemasukan pelajar ke MRSM Ulul Albab adalah berdasarkan kepada spesifikasi sahsiah yang tertentu dan ciri pemilihan pelajar ini dapat diselaraskan penggunaannya kepada seluruh MRSM Ulul Albab di negara ini.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai ciri sahsiah yang diperlukan secara khusus bagi kemasukan pelajar ke MRSM Ulul Albab khususnya.

### *Persoalan kajian*

Apakah ciri-ciri sahsiah yang perlu dimiliki oleh pelajar bagi kemasukan ke Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab menurut perspektif pihak pentadbir?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Secara ringkasnya, kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Data-data telah didapati menerusi temu bual secara separa berstruktur terhadap 4 peserta kajian yang terdiri daripada pihak pentadbir di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan. Pensampelan bertujuan telah digunakan bagi mendapatkan maklumat yang mendalam berkaitan ciri-ciri sahsiah pelajar.

## DAPATAN KAJIAN

Terdapat dua rumusan yang boleh dibuat menerusi dapatan kajian iaitu, rata-rata peserta kajian menyatakan pelajar perlu mempunyai dua ciri iaitu cintakan Al-Quran dan bersifat *extraversion*.

### *Minat Terhadap Al-Quran:*

Dapatan menunjukkan bahawa pihak pentadbir berpendapat sahsiah pelajar Ulul Albab adalah terarah kepada minat mereka terhadap Al-Quran. Perkara ini dapat dilihat menerusi pernyataan yang dikemukakan oleh informan 1 sebagaimana berikut:

*Informan 1*

*Ya, pertama sekali pelajar tu dia kena memang kehendak dia lah.  
Dia kena minat (hafazan Al-Quran).*

*Penyelidik 2*

*Dia mesti minat kan.*

Pandangan yang dikemukakan oleh informan 1 jelas menunjukkan bahawa pelajar perlu mempunyai ciri sahsiah yang menjurus kepada perasaan minat terhadap Al-Quran, yang timbul daripada keinginan diri sendiri dan bukan paksaan atau tekanan daripada pihak luar.

### *Agresif dan Proaktif:*

Seterusnya, pihak pentadbir juga berpendapat bahawa selain daripada pelajar perlu memiliki perasaan minat terhadap Al-Quran, pelajar juga dilihat perlu memiliki ciri agresif dan proaktif. Kedua-dua ciri ini digambarkan menerusi pernyataan yang dikemukakan oleh informan 4:

*Informan 4*

*Umm... nampak sikap pelajar yang pertama, memang dia nak mencuba.*

*Penyelidik 4*

*Mencuba ya.*

*Informan 4*

*Mencuba, memang dia agresif.*

Sikap agresif yang perlu dimiliki oleh pelajar juga ditegaskan sekali lagi oleh informan 4 daripada perspektif yang lain iaitu pelajar juga perlu memiliki sikap agresif dalam aspek memajukan diri sebagaimana pernyataan berikut:

*“Maknanya sikap pelajar memang kami dah terima, maknanya kalau questionnaire tu betul, maknanya sikap yang dipilih memang sikap pelajar nak agresif ke depan.”*

Informan 4 memberikan penekanan secara berulang kali berkaitan tentang ciri proaktif *serta* membenarkan atau bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan oleh penyelidik 4. Informan 4 turut bersetuju bahawa selain daripada mempunyai sikap yang agresif, pelajar juga perlu menjadi seorang yang proaktif dalam menjalankan tugas sebagaimana pernyataan berikut oleh informan 4:

*Penyelidik 4*

*Pro aktif la student ni.*

*Informan 4*

*Yes.*

*Penyelidik 4*

*Ciri pelajar ni kena pro aktif jugak.*

*Informan 4*

*Jadi memang dia sendiri buat (tugasan)*

Berdasarkan pandangan pihak pentadbir berkenaan ciri proaktif ini, ia lebih menjurus kepada sikap pelajar yang berani untuk mencuba serta melakukan sesuatu perkara secara berdikari.

Hasil daripada temu bual yang telah dijalankan, ternyata terdapat tiga ciri utama sahsiah pelajar bagi pemilihan pelajar ke program Ulul Albab sebagaimana yang dapat diperhati serta dihalusi oleh pentadbir di MRSM Ulul Albab Gemencheh. Tiga ciri sahsiah tersebut ialah minat terhadap Al-Quran, bersifat agresif serta proaktif.

#### JADUAL 1:

Tema dan Bilangan Petikan Dapatan Kajian

Tema	Bilangan Petikan
Minat terhadap Al-Quran	1
Agresif	2
Proaktif	1

## PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji ciri sahsiah yang diperlukan oleh pelajar bagi kemasukan ke MRSM Ulul Albab. Menurut dapatan kajian, sahsiah pelajar yang meminati Al-Quran merujuk kepada kewujudan minat pelajar sendiri tanpa paksaan dari mana-mana pihak. Menerusi minat terhadap hafazan ini lah, maka seterusnya pelajar akan dapat menimbulkan rasa cinta terhadap Al-Quran. Keperluan mencintai Al-Quran telah disentuh oleh Imam Al-Ghazali dalam karangan Kamarul Azmi (2001), iaitu beliau melihat aspek pembangunan sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti dan pembangunan jiwa dan hati. Penghayatan Al-Quran telah disebut sebagai salah satu aspek yang mampu membentuk sahsiah pelajar. Menerusi penghayatan Al-Quran yang mendalam, maka kecintaan terhadap Al-Quran dapat dipupuk dalam diri pelajar.

Norsiah Sulaiman et. al (2004) turut mengemukakan kepentingan pembentukan keperibadian dan kehidupan individu sebagai hamba Allah berlandaskan kepada pegangan terhadap Al-Quran. Al-Quran dikatakan mampu untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian berserta pandangan hidup sebagai hamba Allah yang bertanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat dan negara untuk mencapai kebaikan baik di dunia mahupun kebahagiaan abadi di akhirat.

Sahsiah mencintai Al-Quran adalah penting kerana Al-Quran berperanan dalam membentuk akhlak yang mulia kepada diri manusia (Haron Din, 1985). Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kecintaan terhadap Al-Quran lahir daripada penghayatan Al-Quran. Kepentingan mempunyai penghayatan Al-Quran telah digambarkan dalam sebuah hadis:

*“Sayyidina ‘Abdullah bin ‘Abbas r.a berkata, “Rasulullah s.a.w telah memeluk saya lalu berdoa, Ya Allah, kurniakanlah kepadanya ilmu tentang Al-Quran.” (Riwayat Bukhari, no. 61)*

Hadis di atas menunjukkan bahawa memiliki pengetahuan tentang Al-Quran adalah penting kerana akhirnya akan menjurus kepada penghayatan Al-Quran.

Hasil dapatan seterusnya adalah berkaitan sahsiah pelajar, di mana pelajar perlu memiliki sahsiah agresif dan proaktif. Agresif yang ditekankan disini bermaksud agresif dalam memajukan diri untuk mencapai kecemerlangan serta tidak lemah dan tidak berputus asa. Sahsiah agresif mempunyai perkaitan dengan ciri *extraversion*. Ciri sahsiah *extraversion* ini merujuk kepada individu yang ramah serta mudah mesra dengan mencari teman, berkeinginan untuk melakukan keseronokan, berani mengambil risiko serta bertindak mengikut gerak hati (Hamburger & Ben Artzi, 2000). Individu yang agresif cenderung kepada keberanian mengambil risiko dalam menghadapi liku-liku mencapai kecemerlangan berbanding individu yang *introvert*.

Perolehan hasil dapatan berkaitan ciri ini mempunyai persamaan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Zuri Ghani et. al (2008). Kajian beliau mendapati bahawa terdapat sebahagian pelajar pintar cerdas, iaitu pelajar yang selaras dengan ciri pelajar di MRSM mempunyai ciri yang mudah mesra, cepat mengeluarkan pendapat dan bersikap terbuka. Individu yang memiliki ciri ini dijangkakan akan menunjukkan peningkatan pembelajaran yang lebih baik terutamanya dalam keadaan sistem pembelajaran yang menekankan kepada aspek peneguhan dalam pembelajaran (Pickering, 2004).

Kepentingan pelajar untuk memiliki ciri sahsiah ini selaras objektif pembentukan kurikulum Ulul Albab, di mana menurut Wan Mariana dan Mohd Shafiee (2012), golongan Ulul Albab perlu mempunyai iltizam untuk berani mencuba perkara baharu serta menghasilkan ide-ide terkini untuk kebaikan umat manusia. Kehadiran ciri sahsiah ini secara tidak langsung dapat membantu memudahkan proses pembentukan golongan Ulul Albab selari dengan objektif kurikulum sebagaimana yang dihasratkan oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa terdapat tiga ciri sahsiah yang dipersetujui oleh pentadbir bagi persediaan pelajar yang ingin memasuki MRSM Ulul Albab; iaitu sahsiah mempunyai minat terhadap Al-Quran, bersifat agresif dan proaktif. Dapatan kajian ini memberi sumbangan yang besar kepada pemilihan kemasukan ke MRSM Ulul Albab.

Kajian lanjutan pada masa akan datang amat diperlukan untuk meneliti aspek-aspek lain yang turut berkaitan dengan sahsiah pelajar di MRSM, terutamanya MRSM Ulul Albab. Antaranya ialah, aspek pembentukan instrumen yang dapat digunakan untuk menilai sahsiah pelajar sama ada menerusi lisan mahupun bertulis. Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian kualitatif di mana tiada instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk meneliti sahsiah pelajar dari segi empirikalnya. Oleh yang demikian, kewujudan instrumen sahsiah pelajar akan membantu para pelaksana kurikulum Ulul Albab memilih pelajar berdasarkan kepada tema-tema sahsiah yang telah diperolehi secara selaras di seluruh MRSM Ulul Albab di negara ini.

\*Pengkaji ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada MRSM Gemencih, Negeri Sembilan, Bahagian Pendidikan MARA kerana memberi kebenaran untuk menjalani kajian di institusi berkenaan.

## RUJUKAN

- Aminuddeen Mohammad. (2012). Program Ulul Albab. (atas talian)  
<http://unitpimrsm.net/index.php/berita-fokus/296-program-ulul-albab>. Akses pada 12 Oktober 2014.
- Haron Din, Sulaiman Yasin, Hassan Salleh & Sidi Ghazalba. (1985). *Manusia dan Islam*. Pulau Pinang: PDRM.
- Hamburger, Y. L. & Ben-Artzi, E. (2000). The relationship between extraversion and neuroticism and different uses of the internet. *Computers in human behavior*, 16, 441-449.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2001). Paradigma al-Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan, satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyadh Al-Solihin. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Khairani Zakariya @ Abdul Hamid. (2012). Kaedah pembangunan akhlak remaja menurut Imam Al-Ghazali: Aplikasinya dalam program tarbiah sekolah-sekolah menengah aliran agama berasrama di Negeri Kedah, Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 2(1).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Malaysia education blueprint 2013-2025 (Preschool to post-secondary education)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Zuri Ghani, Rahimi Che Aman, Nik Rosila Nik Yaacob & Aznan Che Ahmad. (2008). Perbezaan personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik (PCA) berdasarkan gender. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23, 111-112.
- Modul Quranik Program Ulul Albab Maktab Rendah Sains Mara*. (n.d). Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan & Latihan (Menengah) MARA.
- Norsiah Sulaiman, S. Salahuddin Suyurno & Fairuzah Basri. (2004). Pendidikan Islam: tinjauan metodologi silam dan realiti hari ini dalam International Seminar on Islamic Thought. 7-9 Disember 2004. Bangi.
- Pickering, A. D. (2004). *The neuropsychology of impulsive antisocial sensation seeking personality traits: From dopamine to hippocampal function?* New York: Elsevier.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Abdul Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd Sabri Mamat. (2009). Kajian persepsi pelajar terhadap tahap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(2), 31-50.
- Umi Kalthom Abdul Manaf, Ady Hameme Nor Azman, Fadzilah Abdul Rahman, Hafizah Zulkifli & Fitriah Alias. (2013). Laporan Penilaian Pelaksanaan Program Ulul Albab di MRSM Kota Putra. Serdang.
- Wan Mariana Wan Mohammad & Mohd Shafiee Hamzah. (2012). Penerapan konsep Ulul Albab dalam pendidikan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG, 7 Julai 2012. Port Dickson (unpublished).